



اَوْنَبُوْ رَسِيْتِيْ بِاَتِيْكَوْ لُوْ كِيْ بِمَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

DASAR ICT Versi 2.0

Seksyen 6 - PENGURUSAN STRATEGIK ICT

Pengenalan

Seksyen ini menerangkan tentang pengurusan strategik ICT universiti yang berasaskan kepada dokumen "Panduan Pelan Strategik ICT Sektor Awam Malaysia" oleh MAMPU. Ianya bagi memastikan kaedah pelaksanaan pengurusan strategik ICT universiti adalah mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

4 PERINGKAT UTAMA:

1 Peringkat pertama: Menganalisis Persekitaran Bisnes
Peringkat ini mengandungi penilaian terhadap persekitaran bisnes semasa sebagai asas (*baseline*) kepada perancangan strategik ICT yang memperincikan senibina, konteks bisnes UiTM dan bisnes teras. Rumusan isu dan cabaran termasuk analisa jurang, analisis SWOT dan pernyataan faktor kritikal kejayaan mengakhiri peringkat ini sebagai hasil penilaian bisnes semasa.

2 Peringkat kedua: Menganalisis Persekitaran ICT
Peringkat kedua mengandungi penilaian terhadap persekitaran dan senibina ICT semasa di UiTM mengikut lima (5) dimensi ICT iaitu Sumber Manusia, Sistem, Serahan (*Delivery*), Strategi dan Teknologi. Dua grid iaitu grid audit sistem aplikasi semasa dan grid strategik ICT dihasilkan sebagai rumusan penilaian ICT dan bisnes.

3 Peringkat ketiga: Membangun Strategi ICT
Pada peringkat ini, Strategi ICT yang mantap merupakan daya penggerak ke hadapan kepada transformasi UiTM ke arah universiti unggul yang tersohor. Ianya merangkumi:

- Hala tuju strategik ICT;
- Strategi yang digunakan dalam mengenal pasti peluang-peluang ICT; dan
- Mengenalpasti potensi dan mengklasifikasi keutamaan peluang.

4 Peringkat keempat: Membangun Pelan Pelaksanaan
Peringkat akhir ini adalah untuk membangunkan Pelan Pelaksanaan peringkat tinggi (*high level implementation plan*) merangkumi strategi pelaksanaan, jadual pelaksanaan dan anggaran kos bagi program ICT yang dikenal pasti.

METODOLOGI:

Panduan Pelan Strategik ICT
Sektor Awam Malaysia

SCAN UNTUK
DOKUMEN DASAR
ICT VERSI 2.0



Disediakan oleh:
Jabatan Infostruktur